

JAWATAN KOSONG

Projek **The Malaysian Cohort** (TMC) merupakan satu projek penyelidikan kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet. Kami menjemput anda **WARGANEGARA MALAYSIA yang memiliki Ijazah/ Sarjana/ PhD** yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

Jawatan : Pegawai Penyelidik Q9

Taraf Jawatan: Kontrak

Tarikh Tutup Iklan : 27 Jun 2025

A) KELAYAKAN IJAZAH/ SARJANA

A1) Syarat Lantikan :

1. **Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Pokok: RM 2,580.00); ATAU
2. **Ijazah Sarjana dalam bidang Sains** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Pokok: RM3,020.00); DAN
3. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

A2) Syarat Tambahan :

1. Calon yang memiliki bidang **Epidemiologi dan Statistik Perubatan/ Statistik/ Data Sains/ Kecerdasan Pembuatan (Artificial Intelligence)**.
2. Berpengalaman dalam menganalisa data menggunakan perisian seperti **SPSS, STATA atau R**.
3. Berpengalaman dalam **penulisan saintifik (jurnal)** akan diberikan keutamaan.
4. Mempunyai latar belakang **biostatistik atau statistik perubatan, programming/kecerdasan pembuatan**- diberi keutamaan.
5. Kelulusan English: **MUET Band 4 dan ke atas**.
6. Mempunyai pengalaman dalam menganalisa data dan mengendalikan pangkalan data.
7. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek dari semasa ke semasa.
8. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan. Mampu bekerja dengan penyeliaan minimum serta boleh bekerja dalam satu pasukan.

B) KELAYAKAN KEDOKTORAN/ PHD

B1) Syarat Lantikan :

1. **Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Pokok: RM3,350.00); DAN
2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B2) Syarat Tambahan :

1. Calon telah memperoleh **ijazah PhD dalam tempoh 5 tahun yang lalu** atau telah menghadiri dan **lulus viva-voce** (sila berikan surat daripada institusi anda untuk mengesahkan ini).
2. Mempunyai **bukti kecekapan dalam bahasa Inggeris** (skor minimum 600 dalam TOEFL atau Band 6.5 dalam IELTS atau MUET sekurang-kurangnya band 4) untuk calon yang tesis PhD ditulis dalam bahasa selain bahasa Inggeris.
3. Mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam **penerbitan** :
 - i) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan telah menerbitkan dalam jurnal terindeks dan semakan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
 - ii) Pemohon mesti menerbitkan sekurang-kurangnya 5 artikel dalam jurnal Q1/Q2 sepanjang 3 tahun yang lalu.
 - iii) Calon yang disenarai pendek perlu menjalani ujian penulisan saintifik sebelum pelantikan. Butiran ujian akan dimaklumkan kemudian melalui e-mel.
4. Kelebihan pengaturcaraan **R, SPSS, STATA, atau MATLAB** akan menjadi nilai tambahan kepada calon.
5. Mampu memulakan dan merumus soalan kajian, menjalankan kajian literatur, dan mencari analisis yang sesuai untuk data yang diberikan.
6. Mempunyai minat dan mampu mengkoordinasikan tugas/ KPI sendiri.
7. Mampu bekerja secara bebas dengan pengawasan yang minimum.
8. Kami mengalu-alukan permohonan dalam mana-mana bidang penyelidikan yang diutamakan berikut :
 - i) Kesihatan awam dan penduduk
 - ii) Epidemiologi
 - iii) Perubatan dan biostatistik
 - iv) Analisis data Heath
 - v) Sains perubatan

Calon yang berminat dan berkecenderungan, sila emel perkara berikut ke rekrut_tmc@ukm.edu.my

- 1) Resume terkini
- 2) Salinan sijil SPM/ SVM
- 3) Salinan transkrip akademik
- 4) Salinan skrol akademik

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian 03-91459110